



KAD LAPORAN



MEI - OGOS 2023

Disunting oleh:

Dr. Zalika Adam


Dr. Tg Ainul Farha Tg Abdul Rahman

PERSATUAN KAKITANGAN AKADEMIK USIM

<https://pkausim.usim.edu.my/>

TERAS PKAUSIM

TIGA TERAS UTAMA PKAUSIM ADALAH



Malaysia Hari Ini TV3 – Pada 12 Mei 2023, Timbalan Presiden PKAUSIM, Prof. Madya Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali telah membuat penampilan di rancangan Malaysia Hari Ini bagi memberi pandangan berkait pelaburan emas. Semoga dengan sumbangan ini dapat memberi kefahaman kepada masyarakat berkisar tajuk pelaburan emas ini.



12 MEI 2023

KOMENTAR TIMBALAN PRESIDEN PKAUSIM



Bilik Jamuan VIP FKP, USIM- Pada 24 Mei 2023, Mesyuarat PKAUSIM Bil. 2 telah dijalankan di bilik Jamuan VIP FKP. Antara agenda utama yang dibincangkan di dalam mesyuarat ini ialah berkaitan dengan dua program besar PKAUSIM iaitu SAIS 2023 dan Hari Akademia 2023. Agenda mesyuarat adalah untuk memastikan persiapan program-program berada dalam keadaan lancar. Juga dilaporkan di dalam mesyuarat berkaitan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh biro-biro lain sepanjang tahun 2023.

24 MEI 2023

MESYUARAT PKAUSIM BILANGAN 2



Manipal University - Pada 30 Mei 2023, wakil ahli Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM), Prof. Madya. Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Ali sebagai Timbalan Presiden PKAUSIM, telah mengadakan satu perbincangan bersama Naib Canselor Manipal University, bagi membincangkan tentang program penganjuran bersama yang bakal dijalankan pada bulan September Bersama universiti-universiti lain.

30 MEI 2023

PERTEMUAN BERSAMA NC MANIPAL UNIVERSITY



Nilai University – Pada 29 Mei 2023, wakil ahli Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM), Prof. Madya. Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Ali sebagai Timbalan Presiden PKAUSIM, bersama Dr. Roslee bin Ahmad dan Dr. Azlan bin Jaafar yang memegang jawatan Biro Jaringan Luar PKAUSIM telah mengadakan satu perbincangan bersama Naib Canselor Nilai University, bagi membincangkan tentang program penganjuran bersama yang bakal dijalankan pada bulan September Bersama universiti-universiti lain.

29 MEI 2023

PERTEMUAN BERSAMA NC NILAI UNIVERSITY



Royal Chulan Hotel Seremban - Pada 31 Mei 2023, wakil ahli Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM), Prof. Madya. Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Ali sebagai Timbalan Presiden PKAUSIM, telah mengadakan satu perbincangan bersama Naib Canselor Inti University, bagi membincangkan tentang program penganjuran bersama yang bakal dijalankan pada bulan September Bersama universiti-universiti lain.

31 MEI 2023

PERTEMUAN BERSAMA NC INTI UNIVERSITY

Selamat Pagi Malaysia RTM– Pada 1 Jun 2023, Timbalan Presiden PKAUSIM dan juga Pensyarah Fakulti Ekonomi & Muamalat USIM, Prof. Madya Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali telah memberi komentar di bawah skop tajuk “Nilai Ringgit: dipengaruhi Faktor Luar” di dalam rancangan ini. Semoga pencerahan ini dapat memberi kefahaman kepada masyarakat berkait dengan isu kewangan.

1 JUN 2023

KOMENTAR TIMBALAN PRESIDEN PKAUSIM

rtm
Teman Setia Anda

**NILAI RINGGIT :
DIPENGARUHI FAKTOR LUAR**

PROF. MADYA DR. NURADLI RIDZWAN SHAH MOHD DALI
PENSYARAH FAKULTI EKONOMI & MUAMALAT
USIM

spm
Nadi Seri Pagi

KHAMIS, 1 JUN 2023
9:00 PAGI

tv1 | **BERITA** **rtm** | **MYTV** | **rtm**
SALURAN 123 | broadcasting SALURAN 101

f **LIVE** selamatpagimalaysia **ig** **f** #nadiseriopagi #rtmklik

MS Teams – Pada 15 Jun 2023, beberapa exco dalam Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah turut serta dalam pertemuan bersama TNCAA, Pusat Jaminan Kualiti (CQA) dan Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran (CETL) bagi membincangkan ketidakselarasan berkaitan pdp. Kesan perbincangan ini membawa kepada kesepakatan pengurusan pdp

15 JUN 2023

PERBINCANGAN BERKAITAN PDP



AKADEMIK



RTM – Pada 16 Jun 2023, Ahli Majlis Eksekutif PKAUSIM dan juga merupakan Pengarah Institut Fatwa dan Halal (IFFAH), Prof. Dr. Azman Ab Rahman telah menjadi panel di dalam rancangan MyHalal dengan membawa tajuk “Sekejap Halal, Sekejap Haram”. Kupasan ini telah membuka masyarakat tentang pengertian sebenar halal yang dimaksudkan dalam agama Islam.


16 JUN 2023
BIRO AKADEMIK PKAUSIM DI RTM



23 JUN 2023

PERBINCANGAN BERSAMA NAIB CANSELOR USIM

Pada 23 Jun 2023, wakil ahli Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM), Prof. Madya. Dr. Nuradli Ridzwan Shah Mohd Ali sebagai Timbalan Presiden PKAUSIM bersama Dr. Roslee bin Ahmad yang memegang jawatan Biro Jaringan Luar PKAUSIM, telah mengadakan satu perbincangan Bersama Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani bagi membincangkan tentang program yang akan diadakan bersama universiti jiran USIM sekitar Nilai. Program ini dijangka akan dijalankan sekitar bulan Ogos atau September.



Bilik Mesyuarat Tamhidi, USIM- Pada 18 Julai 2023, Mesyuarat Hari Akademia USIM Bil. 2 telah dijalankan di Bilik Mesyuarat Tamhidi, Pusat Tamhidi. Antara agenda utama yang dibincangkan di dalam mesyuarat ini ialah berkaitan dengan perjalanan pertandingan-pertandingan dan program-program yang akan dijalankan sepanjang Hari Akademia. Turut menjadi keutamaan di dalam mesyuarat ini ialah proses kelulusan bajet bagi setiap aktiviti yang dijalankan.

18 JULAI 2023

MESYUARAT HARI AKADEmia BILANGAN 2

Pada 31 Julai 2023, Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah melancarkan poster rasmi bagi semua aktiviti yang akan dijalankan sepanjang Hari Akademia 2023. Tujuan pemakluman ini adalah bagi mendapatkan penyertaan dalam kalangan staf akademik USIM. Sebanyak 4 pertandingan yang bakal dijalankan iaitu Pertandingan Anekdote, Pertandingan Menulis & Deklamasi Puisi Sajak, Pertandingan Badminton dan Pertandingan KEMAS (Kreatif dan menyelesaikan masalah). Turut diadakan forum bertemakan integriti sempena sambutan ini.

31 JULAI 2023

PELANCARAN POSTER RASMI AKTIVITI HARI AKADEMI

USIM 2023

HARI AKADEMI USIM 2023

Pertandingan KEMAS
KREATIF & MENYELESAIKAN MASALAH

SYARAT PERTANDINGAN

1. Penyertaan terbuka kepada semua ahli akademik USIM.
2. Satu kumpulan dianggotai oleh 3-5 orang ahli (ahli akademik sahaja).
3. Tema pembentangan hendaklah berkaitan salah satu bidang berikut:
 - a. Pentadbiran & Pengurusan Akademik.
 - b. Pengajaran & Pembelajaran.
 - c. Penyelidikan & Inovasi.
 - d. Mentor Mentee (Ahli Akademik /Pelajar).
 - e. Sistem Akademik.
4. Setiap kumpulan akan membentangkan idea melalui poster mengikut format yang disediakan oleh PKAUSIM.
5. Pembentangan kumpulan dalam masa lima minit sahaja dan kemudian sesi soal jawab oleh juri juga selama lima minit.

FORMAT POSTER

- Maklumat ahli kumpulan yang diwakili
- Permasalahan.
- Solusi kepada masalah.
- Manfaatnya kepada pemegang taruh USIM.

HADIAH PERTANDINGAN

JOHAN | RM500
NAIB JOHAN | RM400
KETIGA | RM300

TARIKH PERTANDINGAN
19 SEPT 2023

Daftar segera
013 354 3594
Prof. Dr. Irwan Mohd Subri

INTEGRITI PEMANGKIN USIM CEMERLANG USIM DISAYANG

TARIKH TUTUP PENYERTAAN ADALAH PADA 10 SEPTEMBER 2023

HARI AKADEMI USIM 2023

Pertandingan Anekdote
Terbuka kepada semua warga akademik USIM

SYARAT PERTANDINGAN

1. Anekdote bertemakan pengalaman sebagai seorang staf akademik dalam menegakkan integriti dalam dunia akademik.
2. Karya hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu, mestilah dalam MS Word, dengan menggunakan fon Times New Roman, bersaiz 12 poin dan langkai 1.5 baris.
3. Panjang karangan anekdot ialah antara 400 ke 500 patah perkataan atau 2 muka surat A4.
4. Karya hendaklah asli, bukan saduran, adaptasi atau plagiat. Tidak dibenarkan menyentuh sensitiviti agama, politik dan kaum, khurafat, lucah dan mistik secara keterlaluan.
5. Karya yang dihantar untuk dinilai akan menjadi hak pengantar, iaitu PKAUSIM. Karya yang dihantar tidak akan dikembalikan kepada peserta dan tidak boleh dihantar ke tempat lain tanpa kebenaran.

TARIKH AKHIR PENGHANTARAN
1 SEPTEMBER 2023

JOHAN | RM300
NAIB JOHAN | RM200
KETIGA | RM100
SAGUHATI | RM50

Hantar karya di sini

Pertanyaan?
010 293 3704
Dr. Tg Ainul

INTEGRITI PEMANGKIN USIM CEMERLANG USIM DISAYANG

Keputusan akan diumumkan pada 5 Oktober 2023 | Hari Akademia USIM 2023

HARI AKADEMI USIM 2023

Pertandingan Menulis Puisi, Sajak & Deklamasi

SYARAT PERTANDINGAN

1. Bertemakan pengalaman sebagai seorang staf akademik dalam menegakkan integriti dalam dunia akademik.
2. Karya hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu, mestilah dalam MS Word, dengan menggunakan fon Times New Roman, bersaiz 12 poin dan langkai 1.5 baris.
3. Panjang sajak atau puisi tidak melebihi 20 baris.
4. Karya hendaklah asli, bukan saduran, adaptasi atau plagiat. Tidak dibenarkan menyentuh sensitiviti agama, politik dan kaum, khurafat, lucah dan mistik secara keterlaluan.
5. Karya yang dihantar untuk dinilai akan menjadi hak pengantar, iaitu PKAUSIM. Karya yang dihantar tidak akan dikembalikan kepada peserta dan tidak boleh dihantar ke tempat lain tanpa kebenaran.
6. Setelah karya dibuat, peserta hendaklah mearakan: deklamasi puisi sajak dan menghantarkan link rakaman tersebut.

TARIKH AKHIR PENGHANTARAN
1 SEPTEMBER 2023

JOHAN | RM300
NAIB JOHAN | RM200
KETIGA | RM100
SAGUHATI | RM50

Hantar karya di sini

Pertanyaan?
011 3311 3719
Dr. Zailika Adam

INTEGRITI PEMANGKIN USIM CEMERLANG USIM DISAYANG

Keputusan akan diumumkan pada 5 Oktober 2023 | Hari Akademia USIM 2023

HARI AKADEMI USIM 2023

FORUM
INTEGRITI PEMANGKIN DUNIA AKADEMIK

Professor Dr. Ahmad Ismail FASc
Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC)

13 SEPT 2023 RABU | 3 PM
APLIKASI ZOOM

Dr. Roslan bin Ahmad
Moderator

Hubungi
012 724 4045
Ustaz Adil Mufti

INTEGRITI PEMANGKIN USIM CEMERLANG USIM DISAYANG

Terbuka kepada semua staf akademik USIM

HARI AKADEMI USIM 2023

Pertandingan BADMINTON

Daftar di sini

14 SEPTEMBER 2023
DREAMTEL SPORTS COMPLEX NILAI

Lelaki Perempuan

Pertanyaan?
018 230 2199
Dr. Syamila

INTEGRITI PEMANGKIN USIM CEMERLANG USIM DISAYANG

Terbuka kepada semua staf akademik USIM

Pada 1 Ogos 2023, Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM) telah menerbitkan sebuah buku yang bertajuk *'Recovering Economy: New Norms, Challenges and Philanthropy in the Post-Pandemic Era'*. Buku ini telah disunting oleh Prof. Madya Dr. Nuradli Ridzwan Shah Bin Mohd Dali, Prof. Dr. Azman Ab Rahman dan Dr. Junaidah Abu Seman. Buku ini diterbitkan dalam dua bentuk, fizikal dan e-book serta boleh didapati melalui laman web rasmi PKAUSIM.

pkausim
Persatuan Kakitangan Akademik USIM

BARU TERBIT 2023 JUST PUBLISHED 2023

RECOVERING ECONOMY: NEW NORMS, CHALLENGES AND PHILANTHROPY IN THE POST-PANDEMIC ERA

The COVID-19 pandemic brought unprecedented economic challenges around the world. As countries and businesses develop new strategies and rebuild in the post-pandemic era, what will the new economic norms look like? How has the pandemic changed the role and impact of philanthropy? This crucial book examines the measures needed for economic recovery in an altered world, exploring directions for growth and innovation that includes society's most vulnerable. Case studies reveal the challenges ahead for businesses and governments, while philanthropists offer perspectives on new opportunities for impact. Readers will gain insights into the reforms and collaborative efforts needed to build a more inclusive and sustainable economy in the emerging post-pandemic global context.

PROF. MADYA. DR. NURADLI RIDZWAN SHAH MOHD DALI

PROF. DR. AZMAN AB RAHMAN

DR. JUNAIDAH BINTI ABU SEMAN

ISBN: 978-629-98519-1-2
e-ISBN: 978-629-98519-0-5

Penerbit: Persatuan Kakitangan Akademik USIM (PKAUSIM)
pkausim.usim.edu.my | Persatuan Kakitangan Akademik USIM

RM65 (Book)
RM30 (e-book)

CONGRATULATIONS
PROF. MADYA. DR. NURADLI RIDZWAN SHAH MOHD DALI
PROF. DR. AZMAN AB RAHMAN
DR. JUNAIDAH BINTI ABU SEMAN

PUBLICATION:
RECOVERING ECONOMY: NEW NORMS, CHALLENGES AND PHILANTHROPY IN THE POST-PANDEMIC ERA



1 OGOS 2023

PENERBITAN BUKU DI BAWAH PENERBIT PKAUSIM

PENGURUSAN

Dewan Tuanku Canselor USIM – Pada 9 Ogos 2023, seramai 4 orang wakil daripada Ahli Majlis Eksekutif PKAUSIM telah menerima anugerah bersempena dengan Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi USIM 2022. Para penerima adalah Prof. Dr. Azman Ab Rahman dan Prof. Madya Dr. Azlan bin Jaafar (Anugerah Perkhidmatan Cemerlang), Dr. Rezki Perdani Sawai (Anugerah Qudwah Hasanah) dan Puan Siti Rubaini binti Mat (Anugerah Guru Universiti).

9 OGOS 2023

**ANUGERAH KECEMERLANGAN WAKIL AHLI MAJLIS
EKSEKUTIF PKAUSIM**

pkausim
Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Sains Islam Malaysia


Tahniah

kepada
Ahli Majlis Eksekutif PKAUSIM
atas kejayaan

			
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG PROF. DR. AZMAN AB RAHMAN	ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG PROF. MADYA DR. AZLAN BIN JAAFAR	ANUGERAH QUDWAH HASANAH DR. REZKI PERDANI SAWAI	ANUGERAH GURU UNIVERSITI SITI RUBAINI BINTI MAT

sempena
**Majlis Anugerah Kecemerlangan
dan Inovasi USIM 2022**

 pkausim.usim.edu.my  Persatuan Kakitangan Akademik USIM



Bilik Mesyuarat IFFAH FSU, USIM- Pada 25 Ogos 2023, Mesyuarat PKAUSIM Bil. 3 telah dijalankan di bilik mesyuarat IFFAH, FSU. Antara perkara utama yang dibincangkan di dalam mesyuarat ini ialah berkaitan Hari Keluarga PKAUSIM yang dicadangkan akan berlangsung pada bulan Oktober. Mesyuarat juga mendapatkan laporan-laporan terkini berkaitan dua program utama iaitu Hari Akademia USIM 2023 dan SAIS 2023.

25 OGOS 2023

MESYUARAT PKAUSIM BILANGAN 3

**“Setiap detik dalam hidup
adalah perjalanan, setiap
perjalanan adalah pelajaran”**

Biro Multimedia PKAUSIM